

Dua tan durian warnai Sambutan Hari Keluarga UPSI

Tanjong Malim, 8 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) membantu pemilik kebun durian yang terjejas akibat lambakan hasil raja buah itu pada musim ini dengan menganjurkan Sambutan Hari Keluarga sempena Perhimpunan Bulanan Edisi Julai 2026. Menurut Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, penyediaan dua tan durian itu merupakan tanda penghargaan kepada seluruh warga UPSI selain menyokong pemilik kebun durian sekitar Tanjong Malim yang terjejas akibat lambakan hasil pada musim ini.

“Dengan sedikit tanda penghargaan daripada UPSI sendiri, dua tan durian yang kita beli secara borong bukan sahaja untuk meraikan warga universiti malah sebagai sokongan kepada pemilik kebun durian yang terjejas akibat lambakan hasil.

“Mudah-mudahan usaha kecil ini dapat membantu mereka di samping terus mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam kalangan warga UPSI,” katanya kepada pemberita di UPSI Kampus Sultan Azlan Shah di sini hari ini.

Beliau berkata, selain durian, buah-buahan lain yang dikongsi bersama ialah manggis, cempedak, pisang dan rambutan sekali gus menyemarakkan budaya saling berkongsi serta semangat kekeluargaan yang menjadi identiti warga UPSI.

Jelasnya, majlis tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti senam tari, pertandingan mengupas

durian, pertandingan makan buah-buahan terpanas, teka berat buah dan memasak cekodok pisang. Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UPSI, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan berkata, sambutan berkenaan mencerminkan komitmen universiti dalam memperkukuh budaya kekeluargaan sebagai asas kepada kecemerlangan institusi berteraskan pendidikan.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



MPP UPSI Ringankan Beban Mahasiswa UPSI Semasa Musim Peperiksaan Akhir

Tanjong Malim, 11 Julai - Ketika sebahagian besar mahasiswa sedang bergelut menghadapi musim peperiksaan akhir, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sidang 2025/2026 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tampil membawa sinar harapan menerusi penganjuran program Titian Kasih MPP: Ukhwah Menyantuni Insan, sebuah inisiatif kebajikan yang membuktikan bahawa kepimpinan mahasiswa bukan sekadar memperjuangkan suara pelajar, malah turut hadir menyantuni mereka.

Program yang berlangsung pada 10 dan 11 Julai itu menyaksikan 400 bungkus burger diagihkan kepada mahasiswa UPSI di lokasi tumpuan pelajar mengulang kaji, termasuk Perpustakaan Tuanku Bainun dan Bitarasiswa yang merupakan antara ruang pembelajaran utama kampus.

Agihan yang dilaksanakan bermula pada pukul 9.00 malam hingga 11.00 malam itu bertujuan memastikan mahasiswa yang tekun membuat persiapan menghadapi peperiksaan mempunyai akses kepada makanan tanpa perlu meninggalkan lokasi pembelajaran, sekali gus membantu mereka mengekalkan fokus dan

momentum sepanjang musim peperiksaan. Lebih daripada sekadar pengagihan makanan, program ini membawa mesej bahawa setiap mahasiswa berhak merasai sokongan, perhatian dan kasih sayang daripada komuniti kampus, terutama ketika berhadapan tekanan akademik serta peningkatan kos sara hidup yang semakin mencabar.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPSI Sidang 2025/2026, Muhammad Luqman Nurhakim, berkata inisiatif berkenaan lahir daripada kesedaran bahawa kebajikan mahasiswa perlu menjadi agenda utama dalam memastikan kesejahteraan pelajar sentiasa terpelihara. "Musim peperiksaan menguji bukan sahaja ilmu, tetapi juga ketabahan. Mungkin apa yang kami hulurkan hari ini tidak besar nilainya, namun kami berharap ia mampu menyampaikan satu mesej yang lebih besar iaitu, bahawa setiap mahasiswa di UPSI tidak pernah bersendirian. Selagi ada ruang untuk menyantuni, MPP akan terus hadir sebagai sahabat yang berjalan bersama mahasiswa, bukan sekadar ketika mereka berjaya, tetapi juga ketika mereka sedang berjuang," katanya.

UPSI, PTPTN perkukuh hubungan strategik

Tanjong Malim, 12 Julai - Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkesempatan meraikan delegasi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam satu majlis yang diadakan di UPSI Sport Bowl, semalam.

Majlis itu turut dihadiri oleh barisan Jawatankuasa Perwakilan Universiti (JKPU), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta keluarga UPSI bagi

meraikan kehadiran delegasi PTPTN.

Md. Amin berkata, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid serta seluruh warga PTPTN atas kesudian hadir.

Katanya, kehadiran delegasi PTPTN itu sekali gus terus memperkukuhkan hubungan strategik antara PTPTN dan UPSI.



Terap ESD Sejak Awal Kanak-kanak Bentuk Generasi Lestari

Tanjong Malim, 13 Julai - Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (*Education for Sustainable Development, ESD*) perlu diterapkan sejak peringkat awal kanak-kanak bagi membentuk generasi yang bukan sahaja berilmu, malah memiliki nilai, etika dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat serta alam sekitar. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Dr. Raja Nor Safinas Raja Harun berkata pendidikan awal kanak-kanak merupakan pelaburan terbaik dalam usaha melahirkan pemimpin masa depan yang mampu memacu pembangunan negara secara mampan.

Beliau berkata kanak-kanak hari ini merupakan bakal pemimpin, saintis, guru, usahawan dan pencetus perubahan, justeru nilai kelestarian perlu dipupuk secara konsisten sejak usia muda. "Pendidikan bukan lagi sekadar proses menyampaikan ilmu, malah berperanan membentuk generasi yang mempunyai nilai, etika, pemikiran kritis, kreativiti dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat serta alam sekitar.

"Pendidikan untuk Pembangunan Lestari memberi peluang

kepada kanak-kanak memahami hubungan antara manusia, alam sekitar, ekonomi dan kesejahteraan sosial, di samping memupuk nilai menghargai alam, menggunakan sumber secara berhemah, bekerjasama, menghormati kepelbagaian serta menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Amalan Terbaik Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) Peringkat Awal Kanak-kanak 2026 anjuran Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), UPSI di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Sabtu lalu.

Raja Nor Safinas berkata UPSI menerusi NCDRC akan terus memainkan peranan sebagai peneraju dalam penyelidikan, latihan dan inovasi pendidikan awal kanak-kanak menerusi pelbagai inisiatif yang memperkasakan pendidik serta memperkukuhkan amalan terbaik pendidikan di negara ini. Pada majlis sama, Raja Nor Safinas turut melancarkan Buku Panduan Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) Peringkat Awal Kanak-kanak, yang dibangunkan sebagai panduan

kepada pendidik dalam memperkukuh pelaksanaan pendidikan lestari di institusi pendidikan awal kanak-kanak di seluruh negara. Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) UPSI, Profesor Madya Dr. Mazlina Che Mustafa berkata Pendidikan untuk Pembangunan Lestari bukan lagi satu pilihan, sebaliknya menjadi keperluan dalam landskap pendidikan global bagi membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat. "Seminar ini menghimpunkan pelbagai pihak yang komited terhadap pembangunan pendidikan awal kanak-kanak dan membuktikan bahawa agenda Pendidikan untuk Pembangunan Lestari semakin mendapat perhatian sebagai usaha membentuk generasi masa depan yang berkualiti. "Pelancaran Buku Panduan Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) Peringkat Awal Kanak-kanak diharapkan menjadi rujukan kepada para pendidik dalam merancang aktiviti pembelajaran yang lebih bermakna, menyeronokkan dan berimpak tinggi," katanya.

